

Gerbang Ramadhan Karim

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sesungguhnya, sama ada kita sedar atau tidak, masa berlalu begitu pantas berjalan meninggalkan kita. Bulan Sya'aban telah pun memasuki hari-hari terakhirnya, tidak lama lagi kita akan bertemu dengan penghulu segala bulan iaitu Ramadhan al-Mubarak. Bulan yang memiliki pelbagai kemuliaan, dijanjikan gandaan ganjaran, dilimpahi keberkatan dan dilimpahi rahmat serta keampunan.

Sesungguhnya, Ramadan bukanlah hanya sekadar satu bulan dalam kalendar Islam, malah ia adalah sebuah madrasah yang mampu mentarbiyah jiwa kita. Kedatangan bulan Ramadhan adalah hadiah dan nikmat yang terbesar bagi kita umat Islam. Manakan tidak! Pada bulan mulia ini Allah Subhanahu-wa-taala menyediakan pelbagai tawaran besar kepada para hamba-Nya yang beriman. Setiap detik dan saat yang berjalan tidak kira sama ada waktu pagi mahupun petang, malam atau pun siang, segala amal ibadah akan digandakan ganjarannya berlipatganda oleh Allah Subhanahu-wa-taala.

Ibnu Abi Syaibah meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu-anhu bahawa Rasulullah Sallallahu-alaihi-wassalam menggembirakan para sahabat ra dengan kedatangan Ramadhan dengan bersabda :

قَدْ جَاءَكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ ، أُفْتَرَضَ عَلَيْكُمْ صِيَامُهُ ، تُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ ، وَتُعَلَّقُ

فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ ، وَتُعَلَّقُ فِيهِ الشَّيَاطِينُ ، فِيهِ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ، مَنْ حُرِمَ

خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ .

Yang bermaksud : *"Telah datang kepada kamu bulan Ramadhan, bulan yang diberkati. diwajibkan ke atas kamu berpuasa padanya. Pada bulan ini dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan ; terdapat pada bulan ini lailatul Qadr yang lebih baik daripada seribu bulan.*

Barangsiapa yang tidak mengambil kebajikannya, maka ia tidak memperolehi apa-apa."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu-wa-taala,

Sebagai menghargai kedatangan bulan penuh keberkatan ini, kita sewajarnya mempersiapkan diri untuk meraih segala anugerah yang dijanjikan. Berikut adalah beberapa persiapan yang wajar untuk dibuat bagi menyambut ketibaan Ramadhan al- Mubarak:

Pertama: Marilah kita bersama-sama perbetulkan niat dan azam menjelang bulan Ramadan.

Niat dan azam perlulah semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah *Subhanahu-Wa-Taala*. Jadikanlah kehadiran Ramadhan kali ini sebagai satu peluang yang terbaik untuk kita merebut segala kebaikan yang ditawarkan. Insya-Allah, dengan niat dan azam yang tepat kita akan dibantu untuk menyempurnakan amalan kebaikan.

Kedua: Marilah kita bersama-sama mengulangkaji ilmu pengetahuan tentang kesempurnaan ibadah puasa.

Untuk mencapai darjat puasa yang sempurna kita hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu bagaimana cara melaksanakan ibadah puasa yang sebenar sejajar kehendak syarak.

Ketiga: Marilah bersama-sama kita zahirkan kegembiraan dengan kehadiran Ramadan

Ramadan adalah masa dan peluang umat Islam untuk berusaha bersungguh-sungguh melipat gandakan usaha kebajikan. Oleh yang demikian, setiap muslim tidak kira lelaki atau perempuan mestilah melahirkan rasa gembira dan berdoa

kepada Tuhannya dengan penuh mengharap supaya sempat bertemu dengan Ramadhan yang mulia. Lebih-lebih lagi jangan lupa bermohon kepada Allah *Subhanahu-Wa-Taala* agar kita dapat bertemu dengan '*Lailatu al-Qadar*'.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu-wa-taala*,

Ingat dan sedarlah kita, bahawa dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad telah menceritakan tentang Rasulullah yang sedang menaiki mimbar, lalu Baginda menyebut '*Amiin*' sebanyak tiga kali. Setelah selesai memberi khutbah, para sahabat bertanya kepada Nabi apakah maksud ucapan amin baginda sebanyak 3 kali itu? Lalu Nabi Rasulullah saw menjawab bahawa Jibrail Alaihissalam datang ketika itu lalu mendoakan kerugian ke atas tiga golongan:

Sangat kecewa dan rugilah bagi orang apabila disebutkan nama Muhammad, tetapi tidak berselawat ke atasnya. Orang yang sempat hidup bersama orang tuanya, tetapi tidak dapat masuk ke dalam syurga. Orang yang sempat hidup dalam bulan Ramadhan, namun dosa-dosanya masih tidak diampunkan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu-wa-taala*,

Mengakhiri Khutbah hari ini, marilah kita seisi keluarga berlumba-lumba melaksanakan ibadah di sepanjang bulan Ramadan, kerana setiap amalan yang dilakukan akan dilipatgandakan ganjarannya. Perlu diingatkan juga, bagi yang belum mengqada' puasa dan yang perlu membayar fidyah puasa, selesaikanlah segera sebelum Ramadan tiba. Ingatkan juga kepada ahli keluarga terutamanya isteri dan anak-anak perempuan kita yang berada di bawah jagaan kita. Mudah-

mudahan kita semua diberkati oleh Allah Subhanahu-Wa-Taala dengan kedatangan madrasah Ramadan pada tahun ini.

Firman Allah *Subhanahu-Wa-Taala* di dalam Surah Ali-Imran Ayat 133:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ
أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Yang bermaksud : “*Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.